

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

JKE 415 – Ekonomi Kewangan

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan. Soalan Bahagian A hendaklah dijawab di dalam Borang OMR. Soalan Bahagian B hendaklah dijawab di dalam buku jawapan yang dibekalkan.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Bahagian A diperuntukkan 18 markah dan Bahagian B diperuntukkan 82 markah.

...2/-

BAHAGIAN A (18 markah)

Jawab SEMUA soalan berikut.

Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan yang terbaik daripada alternatif yang disediakan. Tandakan pilihan anda dalam borang OMR.

1. Model IS-LM digunakan dalam kajian permintaan wang untuk menentukan
 - A. Tingkat r & Y benar yang mempengaruhi tahap M_d , dengan andaian tingkat harga umum adalah tetap
 - B. Tingkat M_s & Y benar yang mempengaruhi tahap M_d , dengan andaian tingkat harga umum adalah tetap
 - C. Tingkat r & M_s yang mempengaruhi tahap M_d , dengan andaian tingkat harga umum berubah pada kadar yang sama dengan r dan Y
 - D. Tingkat r & M_s benar yang mempengaruhi tahap M_d , dengan andaian tingkat harga umum adalah tetap
 - E. Tingkat r yang mempengaruhi keseimbangan pasaran barangan dan pasaran wang

2. Dalam Model IS-LM, peningkatan paras harga akan menyebabkan:
 - A. Keluk IS beranjak ke kanan
 - B. Keluk IS beranjak ke kiri
 - C. Keluk LM beranjak ke kanan
 - D. Keluk LM beranjak ke kiri
 - E. Tiada jawapan di atas

3. Halaju pusingan wang (V) merupakan konsep penting dalam teori permintaan wang. Yang manakah antara berikut tidak benar?
 - A. Dalam teori kuantiti wang klasikal, V adalah tetap
 - B. Pendekatan Cambridge menganggap V sebagai tetap
 - C. Dalam teori kuantiti wang Friedman, V boleh diramalkan
 - D. Dalam teori permintaan wang Keynes, V adalah tak stabil
 - E. Teori Baumol & Tobin menganggap V sebagai tak stabil

4. Sekiranya penawaran buruh ditentukan oleh upah benar, maka
 - A. ilusi wang telah berlaku
 - B. ilusi pasaran telah berlaku
 - C. keneutralan pasaran tidak berlaku
 - D. keneutralan pasaran telah berlaku
 - E. permintaan buruh tidak akan berubah

...3/-

5. Sekiranya pelaburan tidak sensitif langsung terhadap perubahan paras r (kadar bunga), yang manakah antara berikut adalah benar?
- A. Peningkatan cukai penggunaan akan meningkatkan paras r
 - B. Peningkatan stok wang akan meningkatkan paras r
 - C. Peningkatan perbelanjaan kerajaan akan meningkatkan paras r
 - D. Penurunan penggunaan akan meningkatkan paras r
 - E. Keluk AD hanya akan berganjak apabila dasar kewangan digunakan
6. Sekiranya wang adalah pengganti sempurna bagi aset bukan wang yang lain, maka
- A. Peningkatan stok wang akan meningkatkan paras Y
 - B. Peningkatan cukai akan meningkatkan paras Y
 - C. Peningkatan perbelanjaan kerajaan akan meningkatkan paras Y
 - D. Dasar kewangan akan mempengaruhi paras r
 - E. Dasar fiskal akan mempengaruhi paras r
7. Sekiranya permintaan wang adalah langsung tidak sensitif terhadap r , maka
- A. wang boleh digantikan oleh sebarang aset bukan wang
 - B. penurunan stok wang akan menurunkan paras r
 - C. dasar kewangan berkesan dalam mempengaruhi paras Y
 - D. dasar fiskal berkesan dalam mempengaruhi paras Y
 - E. penurunan perbelanjaan kerajaan akan meningkatkan paras Y
8. Dalam pengurusan kewangan Malaysia, strategi dasar kewangan BNM telah diubahkan:
- A. daripada sasaran agregat kewangan kepada sasaran inflasi
 - B. daripada sasaran kadar pertukaran asing kepada sasaran agregat kewangan
 - C. daripada sasaran kadar bunga kepada sasaran inflasi
 - D. daripada sasaran agregat kewangan kepada sasaran kadar bunga
 - E. daripada sasaran inflasi kepada sasaran kadar bunga
9. Sekiranya kerajaan meneruskan dasar untuk menurunkan kadar pengangguran, keluk Phillips di bawah jangkaan naïve, pada jangka panjang, akan berbentuk
- A. keluk yang bercerunan negatif
 - B. keluk yang bercerunan positif
 - C. keluk yang menegak
 - D. keluk yang melintang
 - E. Satu titik

10. Sekiranya dasar kerajaan menyebabkan peningkatan harga pada kadar yang semakin naik pada setiap jangka masa, keluk Phillips di bawah kes ekstrim jangkaan rasional akan berbentuk
- A. keluk yang bercerunan negatif
 - B. keluk yang bercerunan positif
 - C. keluk yang menegak
 - D. keluk yang melintang
 - E. satu titik
11. Sekiranya kerajaan meneruskan dasar untuk menurunkan kadar pengangguran, apakah kesan terhadap kadar pengangguran di bawah jangkaan adaptif jangka panjang?
- A. Kadar pengangguran akan bergerak di atas keluk Phillips yang sama dan tidak berlaku inflasi
 - B. Kadar pengangguran akan semakin menurun dan inflasi tidak akan berlaku
 - C. Kadar pengangguran akan bergerak di atas keluk Phillips yang semakin beranjak ke atas
 - D. Kadar pengangguran akan semakin diturunkan tetapi kadar inflasi akan meningkat
 - E. Kadar pengangguran tidak dapat diturunkan dan kadar inflasi akan meningkat
12. Kesatuan pekerja dapat perolehi tahap upah benar yang diinginkan jikalau
- A. Teori jangkaan naïve benar
 - B. Teori jangkaan adaptif benar
 - C. Teori jangkaan rasional biasa benar
 - D. Teori jangkaan rasional ekstrim benar
 - E. Polisi kerajaan tidak dapat diramal dengan tepat
13. Dalam model makroekonomi Keynes jangka panjang
- A. keneutralan wang dan ilusi wang akan berlaku
 - B. keneutralan pasaran berlaku tetapi ilusi wang tidak wujud
 - C. keneutralan pasaran tidak berlaku tetapi ilusi wang wujud
 - D. upah adalah fleksibel
 - E. upah adalah tidak fleksibel

14. Komposisi stok M1 terdiri dari matawang (CC) dan deposit semasa (DD). Yang manakah antara berikut mensifatkan keadaan stok M1 di Malaysia pada masa sekarang?
- A. $CC > DD$
 - B. $CC \geq DD$
 - C. $CC < DD$
 - D. $CC \leq DD$
 - E. $CC = DD$
15. Pernyataan-pernyataan berikut menunjukkan ciri hadlaju pusingan wang (V) bagi tahun 1974-92 seperti diterbitkan oleh BNM. Yang manakah antaranya benar?
- A. V1, V2 & V3 sama kestabilannya
 - B. V2 & V3 lebih stabil dari V1
 - C. V3 paling tidak stabil sekali
 - D. V1 lebih stabil dari V2 & V3
 - E. V1 & V2 lebih stabil dari V3
16. Antara keanjalan pendapatan (ϵ_y) bagi permintaan wang M1, M2 & M3 di Malaysia bagi tahun 1986-92, nilai manakah yang paling rendah?
- A. ϵ_{yM1}
 - B. ϵ_{yM2}
 - C. ϵ_{yM3}
 - D. ϵ_{yM1} & ϵ_{yM2}
 - E. ϵ_{yM2} & ϵ_{yM3}
17. Sekiranya nilai keanjalan kadar bunga (ϵ_r) bagi baki M1 adalah -0.002, kenaikan kadar bunga dari 5% kepada 10% akan menyebabkan perubahan permintaan wang M1 sebanyak
- A. 0.002%
 - B. 0.4%
 - C. 0.2%
 - D. 2.0%
 - E. tiada jawapan di atas

18. Pada masa sekarang, BNM telah mengamalkan prosedur pelaksanaan polisi kewangan yang lebih berorientasikan pasaran atas sebab faktor-faktor berikut, kecuali:
- A. Kerajaan telah mengurangkan penglibatannya dalam aktiviti ekonomi
 - B. Sektor swasta semakin penting dalam menggerakkan pertumbuhan ekonomi
 - C. Pasaran kewangan telah kurang sensitif kepada kadar bunga yang ditetapkan oleh BNM
 - D. Kuasa pasaran kini lebih besar pengaruhnya terhadap ekonomi negara.
 - E. Tren pensejagatan telah meningkatkan pengaliran dana modal pada peringkat dunia

BAHAGIAN B (82 markah)

Jawab SEMUA soalan.

Semua jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang dibekalkan.
Semua jalan pengiraan mesti ditunjukkan.

2. Pilih tiga (3) daripada yang berikut, dan bagi setiap satu, huraikannya dalam tidak melebihi satu muka surat buku jawapan:

- (a) Hukum Walras
- (b) Teori Kuantiti Wang Klasikal
- (c) Ilusi Wang
- (d) Jangkaan rasional
- (e) Keluk Phillips

(24 markah)

3. Mazhab Monetarist dan mazhab Keynes berlainan pendapat tentang keberkesanan dasar kewangan.

(a) Tunjukkan secara graf sahaja, kesan peningkatan stok wang terhadap pasaran wang, pasaran output, dan pasaran buruh mengikut **mazhab Monetarist**. Gunakan anak panah untuk menandakan setiap perubahan. Tiada penerangan yang diperlukan.

(8 markah)

(b) Tunjukkan secara graf sahaja, kesan peningkatan stok wang terhadap pasaran wang, pasaran output, dan pasaran buruh mengikut **mazhab Keynes**. Gunakan anak panah untuk menandakan setiap perubahan. Tiada penerangan yang diperlukan.

(8 markah)

(c) Dalam tidak melebihi satu muka surat buku jawapan, rumuskan perbezaan kesan dasar kewangan di bawah mazhab masing-masing.

(8 markah)

(d) Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor yang menyebabkan perbezaan seperti yang ditunjukkan dalam rajah-rajah bahagian (a) dan (b)? (Jawapan tidak boleh melebihi satu muka surat buku jawapan.)

(8 markah)

...8/-

4. (a) Ada pihak yang mengatakan teori permintaan wang Friedman sebenarnya merupakan 'extension'/lanjutan kepada teori Keynes. Sejauh manakah anda setuju? Banding dan bincangkan (i) persamaan dan (ii) perbezaan kedua-dua teori itu.

(14 markah)

- (b) Huraikan ciri dan keanjalan dua (2) faktor yang, pada pendapat anda, paling penting dalam menentukan fungsi permintaan wang di Malaysia.

(12 markah)

- oooOooo -